

India sedia kaji semula duti import minyak

sawit
BH 16 MAY 2001

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia berharap kerajaan India sedia menimbang mengurangkan duti import terhadap minyak sawit negara yang sudah diproses bagi membolehkan Malaysia bersaing dengan minyak kacang soya Amerika Syarikat, kata Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

“Ini kerana tarif import minyak sawit yang diproses lebih tinggi berbanding tarif yang dikenakan terhadap minyak kacang soya yang diproses,” katanya selepas menghadiri forum perniagaan Malaysia-India di sini, hari ini.

India ketika ini mengenakan levi 85 peratus terhadap minyak sawit yang diproses berbanding hanya 45 peratus terhadap minyak kacang soya yang diproses manakala duti import bagi terhadap minyak sawit mentah (CPO) adalah 75 peratus berbanding 45 peratus untuk minyak kacang soya mentah.

Duti import yang tinggi itu dikenakan bagi melindungi penanam kacang soya di India.

Bagaimanapun, Lim melahirkan rasa gembira kerana permintaan Malaysia berhubung duti import CPO mendapat maklum balas positif daripada Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee.

Semalam, kerajaan India memberi jaminan akan menyamak semula duti import minyak sawitnya. Komitmen itu diberi oleh Vajpayee kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam rundingan dua hala mereka.

Terdahulu, Vajpayee berkata, kerajaan India akan mengkaji semula duti import minyak sawit mentah dalam usaha mengukuhkan setiakawan di kalangan “rakan Asean”.

Lim berkata, pengumuman itu meningkatkan keyakinannya duti itu akan dikurangkan.

Ditanya pengurangan tarif yang diminta Malaysia, beliau berkata:

“Kita meminta diberi layanan sama rata supaya boleh bersaing dengan minyak kacang soya Amerika di padang sama rata. Bepada banyak, terpulang kepada Perdana Menteri (India).”